

Keadaan infrastruktur Kampung Baru di Selangor, 1970-1990

The State of Infrastructure in Kampung Baru in Selangor, 1970–1990

Bukhari Badrol Hisham* & Ho Hui Ling

Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia

*Penulis Koresponden : eryna77@yahoo.com

Diterima: 22 Okt 2024; **Disemak semula:** 19 Jan 2025 **Diterima:** 17 April 2025; **Diterbitkan:** 21 Julai 2025

To cite this article (APA): Badrol Hisham, M. B. ., & Ho, H. L. (2025). Keadaan infrastruktur Kampung Baru di Selangor, 1970-1990. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 17(2), 86-97. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.2.7.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.2.7.2025>

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan keadaan infrastruktur Kampung Baru di Selangor pada tahun 1970 hingga 1990. Kampung Baru di Selangor telah diwujudkan sejak zaman darurat akibat ancaman komunis di Tanah Melayu. Walaupun Kampung Baru telah wujud sewaktu zaman darurat, penduduk Kampung Baru di Selangor masih menghadapi pelbagai isu. Selepas tamatnya darurat pada tahun 1960, penempatan Kampung Baru didakwa tidak mendapat perhatian khusus dan sewajarnya daripada pihak berkuasa. Keadaan ini menyebabkan timbulnya perasaan tidak puas hati dalam kalangan penduduk Kampung Baru terhadap pelaksanaan dasar kerajaan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah membincangkan keadaan infrastruktur masyarakat Kampung Baru di Selangor dari tahun 1970 sehingga 1990. Pendekatan kualitatif telah digunakan iaitu analisis dokumen dan manuskrip dari Arkib Negara Malaysia seperti fail Jabatan Perdana Menteri dan fail Majlis Keselamatan Negara. Kajian turut disokong oleh sumber yang diperoleh dari Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Arkib Negara Malaysia. Hasil kajian mendapati komuniti di Kampung Baru di Selangor telah memperoleh pelbagai kemudahan asas dan infrastruktur sejak awal pembinaannya. Namun begitu, isu berkaitan penyelenggaraan kemudahan infrastruktur masih wujud, yang memberi kesan kepada kehidupan harian penduduk. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa Kampung Baru di Selangor memerlukan perhatian lebih mendalam untuk menyelesaikan pelbagai isu yang dihadapi oleh penduduk. Implikasi kajian ini menekankan keperluan penglibatan kerajaan dalam memastikan pembangunan infrastruktur yang berterusan dan selaras dengan keperluan masyarakat kampung baru.

Kata kunci: Kampung Baru Cina, Selangor, Infrastruktur, Darurat, Rancangan Briggs

Abstract

This study aims to discuss the state of infrastructure in the New Villages of Selangor from 1970 to 1990. The New Villages in Selangor were established during the Emergency period as a response to the communist threat in Malaya. Although the New Villages were formed during the Emergency, the residents of these settlements continued to face various issues. After the Emergency ended in 1960, these settlements were reportedly not given adequate attention by the authorities. This lack of attention led to dissatisfaction among the residents with the implementation of government policies. The objective of this study is to examine the state of infrastructure in the New Village communities in Selangor from 1970 to 1990. A qualitative approach was employed, using document and manuscript analysis from the National Archives of Malaysia, such as files from the Prime Minister's Department and the National Security Council. The study is also supported by resources from the University of Malaya Library and the National Archives Library. The findings reveal that the New Village communities in Selangor had access to various basic amenities and infrastructure since their establishment. However, issues related to the maintenance of these facilities persisted, affecting the daily lives of the residents. In conclusion, the study shows that the New Villages in Selangor require more focused attention to resolve the various issues faced by the residents. The implications of this study emphasize the need for continued government involvement to ensure infrastructure development that aligns with the needs of the New Village communities.

Keywords: Chinese New Villages, Selangor, Infrastructure, Emergency, Briggs Plan

PENGENALAN

Kajian ini meneliti keadaan infrastruktur di kawasan Kampung Baru di Selangor antara tahun 1970 hingga tahun 1990. Selepas tamatnya darurat pada tahun 1960, Kampung Baru didakwa tidak mendapat perhatian khusus daripada kerajaan. Keadaan ini menyebabkan timbul perasaan tidak puas hati dalam kalangan penduduk Kampung Baru terhadap pelaksanaan dasar kerajaan. Perasaan tidak puas hati ini dilihat sebagai satu ancaman kepada pihak kerajaan terutama ketika dalam situasi negara sedang berusaha menyelesaikan isu perpaduan antara kaum dan isu ancaman komunis yang sedang berlaku di Semenanjung Malaysia. Kampung Baru merupakan satu kawasan penempatan penduduk yang mampu memberikan ancaman kepada keselamatan negara jika tidak diberi perhatian khusus. Dengan latar belakang sejarah pembentukan Kampung Baru, kerajaan melakukan usaha untuk mencegah kawasan Kampung Baru agar tidak menjadi sasaran penyebaran ideologi komunis. Keadaan sosioekonomi dan taraf kehidupan penduduk Kampung Baru yang dianggap rendah menjadi faktor penduduk Kampung Baru memandang serong kepada pentadbiran kerajaan. Keadaan ini ditambah lagi melalui penekanan usaha kerajaan yang dianggap memberikan tumpuan kepada pembangunan ekonomi masyarakat Melayu dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Selepas tamatnya zaman darurat pada tahun 1960, kerajaan didakwa tidak memberikan tumpuan terhadap pembangunan Kampung Baru. Pembangunan menyeluruh terhadap Kampung Baru merupakan kunci utama dalam mengekalkan keselamatan dan keharmonian negara. Pembangunan yang seimbang merupakan kunci utama kepada sokongan masyarakat terhadap kerajaan. Masalah ketegangan hubungan antara kaum menjadikan usaha pencegahan dalam mengatasi masalah keselamatan negara dan keharmonian kaum perlu terus diperkasakan. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan masyarakat menyokong setiap dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan. Memandangkan Kampung Baru memainkan peranan penting dalam memelihara keamanan dan keharmonian kaum, perhatian perlu diberikan kepada keadaan infrastruktur Kampung Baru di Selangor.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Pengumpulan data dibuat menerusi analisis dokumen ke atas sumber primer dan sekunder yang dipilih. Bagi sumber primer, kutipan data telah dibuat di Arkib Negara Malaysia dengan membuat rujukan dan analisis sumber-sumber primer seperti fail dan laporan kerajaan seperti fail Jabatan Perdana Menteri dan fail Majlis Keselamatan Negara. Manakala, sumber sekunder diperolehi menerusi kajian perpustakaan di Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Arkib Negara Malaysia. Pendekatan yang digunakan ini adalah bersesuaian dengan matlamat kajian ini yang ingin menilai keadaan infrastruktur kawasan kampung baru di negeri Selangor.

KAJIAN LITERATUR

Ray Nyce dalam bukunya bertajuk *Chinese New Village in Malaya* (Nyce, 1973) menghuraikan asas pembentukan kampung baru di Tanah Melayu. Beliau membincangkan secara terperinci latar belakang pembentukan Kampung Baru di Tanah Melayu semasa zaman darurat pada tahun 1948 sehingga tahun 1960. Kajian beliau ini dapat memberi gambaran awal secara umum pembentukan Kampung Baru di Tanah Melayu kesan daripada peristiwa darurat. Buku ini juga dapat memberikan pemahaman terhadap faktor pembentukan kawasan penempatan Kampung Baru.

Dalam buku karangan Looi Chee Kien bertajuk *i-Kampung Baru: Imbasan Sejarah Kampung Baru Selangor* (Looi Chee Kien, 2012) memaparkan mengenai sejarah Kampung Baru yang terdapat di negeri Selangor. Fokus dalam penulisan ini adalah berkisar kepada sejarah ringkas Kampung Baru yang

wujud ekoran daripada langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam mengatasi ancaman komunis pada zaman darurat 1948-1960. Selain itu, buku ini juga membincangkan sejarah setiap Kampung Baru di Selangor secara ringkas dan menonjolkan keunikan di setiap kampung baru tersebut.

Dalam buku Paul Markandan bertajuk *The Problem Of The New Villages In Malaya* (Paul Markandan, 1955) menghurai mengenai masalah darurat yang menyebabkan kebimbangan kolonial British terhadap kolaborasi dan sokongan yang diberikan oleh orang Cina kepada gerakan komunis. Selain itu, Paul Markandan juga membincangkan masalah yang dihadapi dalam pembentukan penempatan Kampung Baru dengan menyatakan masalah yang dihadapi oleh penduduk Kampung Baru di seluruh Tanah Melayu. Buku ini memberikan kefahaman berkaitan dengan isu dan cabaran yang berlaku dalam pembentukan Kampung Baru semasa zaman darurat di Tanah Melayu.

Francis Loh Kok Wah (Francis Loh Kok Wah, 1988) dalam buku bertajuk *“Chinese New Villagers and Political Identity”* membincangkan berkenaan keadaan masyarakat Kampung Baru di Kinta, Perak berdasarkan kajian lapangan pada tahun 1977-1978. Buku ini membincangkan keadaan hidup penduduk di Kampung Baru yang semakin merosot dalam aspek demografi, taraf pendapatan, pendidikan, perkhidmatan, akses penduduk kepada tanah pertanian, perumahan dan bantuan daripada kerajaan. Keadaan taraf Kampung Baru yang semakin merosot telah menarik perhatian pemerintah dan parti politik pembangkang untuk meraih sokongan penduduk. Buku ini memperlihatkan sokongan politik masyarakat Cina yang tinggal di Kampung Baru boleh berubah daripada memberi sokongan kepada parti Malaysian Chinese Association (MCA) kepada parti pembangkang seperti People's Progressive Party (PPP) pada masa itu.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Kampung Baru

Pembentukan Kampung Baru di Selangor merupakan satu perancangan yang telah dirangka untuk menyekat hubungan di antara komuniti Cina dengan gerakan Parti Komunis Malaya. Dalam usaha mengatasi dan menyekat pergerakan komunis setelah darurat diistiharkan, Leftenan Jeneral Sir Harold Rowdon Briggs (Pengaroh Operasi Keselamatan di Tanah Melayu) telah melaksanakan tindakan pencegahan dalam tindakan pelan yang dikenali sebagai Rancangan Briggs dengan cara memindahkan penduduk setinggan Cina dari kawasan-kawasan terpencil dan kawasan penempatan setinggan yang bertaburan ke satu kawasan perkampungan baru yang berkelompok. Dalam proses awal pembinaan Kampung Baru, sejumlah 573,000 orang telah dipindahkan ke penempatan Kampung Baru pada tahun 1951 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1976). Daripadanya, sejumlah 300,000 orang adalah terdiri daripada penduduk setinggan terutama orang Cina (Nyce, 1973). Daripada jumlah penduduk di Kampung Baru Cina, 86 peratus adalah orang Cina, sembilan peratus daripada bangsa Melayu, empat peratus orang India dan satu peratus daripada lain-lain kaum (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1976). Sehingga tahun 1970, masih terdapat sejumlah 444 buah Kampung Baru di seluruh Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1976). Perincian jumlah Kampung Baru yang dibina mengikut negeri di Malaysia adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Jumlah Kampung Baru Di Malaysia, 1970

Negeri	Bilangan (Buah)
Perak	134
Johor	99
Pahang	45
Selangor	42
Negeri Sembilan	41
Kedah	31
Kelantan	22
Melaka	20
Pulau Pinang	8

bersambung

Terengganu	2
Jumlah	444

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Surat kepada Setiausaha Kementerian Perancangan Am & Penyelidikan Sosio-Ekonomi, Penyelidikan Sosio-Ekonomi 431/Jld 1, “Kajian Ke Atas Kampung-kampung Baru”, 1976.

Jadual 1 menunjukkan jumlah Kampung Baru di Malaysia pada tahun 1970 yang berjumlah 444 buah. Negeri Perak mempunyai jumlah Kampung Baru yang paling banyak iaitu sejumlah 134 buah dan diikuti oleh negeri Johor dengan 99 buah Kampung Baru. Negeri Pahang mempunyai sebanyak 45 buah Kampung Baru Cina, Selangor 42 buah, Negeri Sembilan 41 buah, Kedah 31 buah, Kelantan 22 buah, Melaka 20 buah dan Pulau Pinang sebanyak lapan buah. Negeri Terengganu pula hanya mempunyai dua buah Kampung Baru Cina. Taburan Kampung Baru ini mencerminkan penempatan masyarakat Cina di Malaysia selepas pengisytiharan Darurat 1948-1960. Jumlah yang tinggi di Perak dan Johor disebabkan oleh faktor ekonomi dan kedudukan strategik negeri-negeri ini sebagai pusat kegiatan perlombongan bijih timah dan perladangan getah. Kedua-dua sektor ini menarik migrasi besar-besaran masyarakat Cina, yang kemudian ditempatkan di kampung-kampung baru sebagai langkah kawalan keselamatan semasa darurat. Sebaliknya, negeri-negeri seperti Terengganu dan Pulau Pinang menunjukkan bilangan Kampung Baru yang sangat kecil disebabkan faktor geografi dan demografi. Anggaran penduduk Kampung Baru di Malaysia tahun 1970 adalah seperti berikut:

Jadual 2: Anggaran Penduduk Kampung Baru Di Malaysia Tahun 1970

Negeri	Jumlah Penduduk
Johor	236,789
Kedah	52,018
Kelantan	20,427
Melaka	16,299
Negeri Sembilan	52,285
Pahang	83,761
Pulau Pinang	16,427
Perak	303,860
Selangor	204,964
Terengganu	1,200
Jumlah	988,030

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia 1976 dan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perancangan Am Dan Penyelidikan Sosioekonomi 1979.

Merujuk Jadual 2, anggaran penduduk Kampung Baru di Malaysia pada tahun 1970 ialah seramai 988,030 orang. Negeri Perak mencatatkan jumlah penduduk Kampung Baru yang tertinggi iaitu 303,860 orang. Hal ini seiring dengan status Perak sebagai negeri dengan jumlah Kampung Baru terbanyak, iaitu sebanyak 134 buah. Negeri Johor mempunyai 236,789 orang penduduk Kampung Baru, berada di tempat kedua. Selangor pula mencatat 204,964 orang, menunjukkan kepadatan penduduk yang tinggi walaupun dengan hanya 42 buah Kampung Baru. Kedudukan strategik Selangor sebagai kawasan metropolitan yang semakin berkembang pada masa itu turut menyumbang kepada angka ini. Pahang pula merekodkan 83,761 orang penduduk Kampung Baru, manakala Negeri Sembilan dan Kedah masing-masing mencatat angka yang hampir sama iaitu 52,285 orang dan 52,018 orang. Kepadatan penduduk yang sederhana di negeri-negeri ini mencerminkan pengaruh aktiviti pertanian dan perladangan yang mendominasi ekonomi tempatan. Selain itu, negeri Kelantan seramai 20,427 orang, Pulau Pinang 16,427 orang, dan Melaka 16,299 orang. Akhir sekali, Terengganu mencatatkan angka yang paling rendah, iaitu hanya 1,200 orang dengan dua buah Kampung Baru. Peratusan penduduk Kampung Baru mengikut kaum dan negeri pada tahun 1970 di Malaysia adalah seperti berikut:

Jadual 3: Penduduk Kampung Baru Mengikut Kaum Di Malaysia, 1970

Negeri	Peratusan Populasi Penduduk			
	Malayu	Cina	India	Lain-lain
Johor	17.89	78.32	3.73	0.06
Kedah	24.72	61.75	11.51	2.02
Kelantan	89.03	10.14	0.82	0.01
Melaka	30.08	67.02	2.87	0.03
N. Sembilan	16.61	78.70	4.60	0.09
Pahang	8.41	86.62	4.96	0.01
Pulau Pinang	1.70	93.59	4.96	0.02
Perak	13.68	77.98	7.98	0.36
Selangor	7.83	84.16	7.84	0.17
Terengganu	22.25	77.67	0.08	-
Jumlah	15.40	77.94	6.39	0.27

Sumber: Department Of Statistics, Jabatan Perangkaan Malaysia 1976, KPY.13/75, Surat kajian mendalam mengenai kampung-kampung baru kepada ketua Setiausaha Kementerian Perancangan Am & Penyelidikan Sosioekonomi.

Jadual 3 menunjukkan peratusan penduduk Kampung Baru mengikut negeri dan bangsa. Dari jadual dilihat bahawa masyarakat Cina merupakan sekitar 77.94 peratus dari jumlah penduduk Kampung Baru sementara orang Melayu menyumbang 15.40 peratus, orang India 6.39 peratus dan lain-lain kaum 0.27 peratus. Jadual ini menunjukkan bahawa kaum Cina antara penduduk yang paling ramai di kawasan Kampung Baru. Jika dilihat di Selangor, penduduk Melayu ialah 7.83 peratus, penduduk India 7.84 peratus, lain-lain kaum berjumlah 0.17 dan penduduk yang paling ramai berbangsa Cina seramai 84.16 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1976). Dominasi kaum Cina dalam Kampung Baru adalah kerana sejarah penempatan semula masyarakat ini semasa Darurat. Penempatan ini difokuskan kepada masyarakat Cina kerana ancaman keselamatan yang berkait rapat dengan aktiviti Parti Komunis Malaya (PKM). Sebaliknya, peratusan kaum Melayu dan India yang lebih rendah menunjukkan peranan yang terhad dalam struktur demografi Kampung Baru. Bagi negeri Selangor, peranan ekonomi ladang dan kawasan bandar menyumbang kepada peratusan Melayu dan India yang lebih tinggi berbanding negeri lain.

Jadual 4: Senarai Lokasi Kampung Baru Di Selangor, 1970

Negeri	Daerah	Lokasi	Jumlah
Negeri Selangor	Ulu Selangor	Ampang Pechah	5202
		Batang kali	632
		Kalumpang	3667
		Kerling	2967
		Rasa	5080
		Rawang	2335
		Serendah	3731
		Kuang	1486
		Kundang	1565
		Ulu Bernam	3859
		Kg Gurney, Ulu Yam Baru	693
		Batang Berjuntai	2609
	Kuala Selangor	Ijok	1830
		Sekinchin	8373
		Ulu Tiram, Buruk	1364
	Kuala Langat	Jenjarom	7088
		Salak	1117
		Sepang	1956
		Sg. Pelek	4726
		Tanjung Sepat	6730
		Batu 9, Cheras	3472

bersambung

	Batu 11, Cheras	2595
	Batu 14, Ulu Langat	1829
	Batu 18, Ulu Langat	913
	Balakong	1618
Ulu Langat	Kg. Bharu Bangi	2046
	Kg. Bharu Dengkil	2349
	Semenyih	7849
	Sg. Chuah	5955
	Tarun (Broga)	547
	Ampang	11088
	Hot Spring	8270
	Jinjang	27436
	Puchong Bt. 14	2802
Kuala Lumpur	Salak South	9576
	Serdang Bharu	13901
	Subang	3132
	Sg. Buluh	3847
	Sg. Penchala	1579
	Sg Way	9046
	Ulu Kelang	3940
Klang	Pandamaran	14524

Sumber: Sumber diubahsuai daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Surat kepada Setiausaha Kementerian Perancangan Am & Penyelidikan Sosio-Ekonomi, Penyelidikan Sosio-Ekonomi 431/Jld 1, Kajian Ke Atas Kampung-kampung Baru, 1976.

Jadual 4 menunjukkan senarai lokasi Kampung Baru di Selangor pada tahun 1970. Antara penempatan Kampung Baru di daerah Ulu Selangor termasuklah di Ampang Pechah, Batang Kali, Kalumpang, Kerling, Rasa, Rawang, Serendah, Kuang, Kundang, Ulu Bernam, Kampung Baru Gurney dan Ulu Yam Baru. Di daerah Kuala Selangor, Kampung Baru yang dibina ialah di Batang Berjuntai, Ijok, Sekinchan, Ulu Tiram dan Buruk. Di daerah Kuala Langat, Kampung Baru dibina di Jenjarom, Salak, Sepang, Sg. Pelek dan Tanjung Sepat. Di daerah Ulu Langat, Kampung Baru dibina di Batu 9, Cheras, Batu 11, Cheras, Batu 14, Ulu Langat, Batu 18, Ulu Langat, Balakong, Kg. Baru Bangi, Kg. Baru Dengkil, Semenyih, Kg. Baru Sg. Chuah dan Tarun (Broga). Di Kuala Lumpur, Kampung Baru telah dibina di Ampang, Hot Spring, Jinjang, Puchong Bt. 14, Salak South, Serdang Bharu, Subang, Sg. Buluh, Sg. Penchala, Sg Way, Ulu Kelang dan di daerah Klang di Pandamaran.

Keadaan Infrastruktur Sosial Di Kampung Baru

Dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975), kerajaan memberikan penekanan khusus kepada usaha penyusunan semula masyarakat di Malaysia secara menyeluruh. Penempatan Kampung Baru merupakan salah satu kawasan yang diberi perhatian oleh kerajaan dalam rancangan pembangunan negara. Kampung Baru dikenal pasti merupakan salah satu daripada tujuh kumpulan kawasan penempatan yang mengalami masalah kemiskinan di Malaysia (FAO/ World Bank. 1975). Selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua, Kampung Baru merupakan antara kawasan yang terlibat dalam pelaksanaan kajian sosioekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk memastikan tahap integrasi dan penglibatan penduduk dalam pembangunan negara secara menyeluruh (FAO/ World Bank. 1975). Pelaksanaan kajian ini adalah penting kerana penduduk di Kampung Baru merangkumi sekitar 10 peratus daripada jumlah penduduk di Malaysia.

Di atas kesedaran tentang bahaya pendedahan penduduk Kampung Baru terhadap ancaman penyusupan dan penyebaran pengaruh komunis pada tahun 1970, pihak kerajaan menubuhkan sebuah kementerian khas yang memainkan peranan dalam pentadbiran dan pengurusan Kampung Baru iaitu Kementerian Perumahan dan Kampung Baru. Kementerian ini ditubuhkan dan dipertanggungjawabkan untuk kesejahteraan Kampung Baru. Kampung Baru di Selangor menghadapi masalah tersendiri disebabkan oleh faktor sejarah penubuhan Kampung Baru yang bertujuan untuk mengatasi masalah ancaman komunis, faktor alam dan juga taraf sosioekonomi yang mempengaruhi pembangunan

Kampung Baru. Isu dan cabaran dalam pembangunan Kampung Baru ini berkait rapat dengan matlamat tujuan asal pembentukan Kampung Baru di Selangor.

Dalam menilai masalah yang dihadapi oleh penduduk di kawasan Kampung Baru, pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kerja bagi mengkaji masalah di Kampung Baru. Jawatankuasa Kampung Baru ini bertujuan untuk mengkaji keadaan sosioekonomi, politik dan keselamatan di kawasan Kampung Baru (Kementerian Perumahan Dan Kemajuan Perkampungan, 1977). Kajian yang dilaksanakan juga merangkumi masalah pertanian dan masalah belia di kawasan Kampung Baru, isu penyediaan infrastruktur serta kemudahan awam di kawasan Kampung Baru. Tuduhan menyatakan keadaan Kampung Baru di Selangor dalam keadaan terbiar adalah tidak benar kerana Kampung Baru sudah disediakan kemudahan asas dan kekurangan hanya didapati dari segi penyelenggaraan sahaja. Kebimbangan penduduk mengenai keadaan mutu jalan raya, parit dan bekalan elektrik serta air di Selangor pula adalah berbeza di antara satu kampung dengan kampung yang lain kerana bergantung kepada tingkat kemajuan masing-masing (Jabatan Perdana Menteri, 1979). Situasi ini menimbulkan isu dan masalah dalam kalangan penduduk Kampung Baru di Selangor. Dalam menyelusuri keadaan Kampung Baru di Selangor, antara yang diberi perhatian berkaitan dengan bekalan air dan elektrik, sukan dan dewan, kesihatan dan kebersihan sistem perparitan, kualiti jalan raya serta keadaan taraf pendidikan.

Kedadaan Bekalan Air

Di kawasan Kampung Baru di Selangor, masalah berkaitan bekalan air sering menjadi isu utama yang membelenggu kehidupan penduduk. Masalah ini melibatkan dua aspek utama, iaitu kualiti dan konsistensi bekalan air. Walaupun beberapa Kampung Baru telah dilengkapi dengan bekalan air paip, tahap perkhidmatan ini masih mengecewakan, terutama semasa waktu kritikal seperti musim perayaan Tahun Baru Cina. Hal ini disebabkan oleh penyelenggaraan yang kurang cekap oleh pihak kerajaan (Jabatan Perdana Menteri, 1979). Sebahagian kawasan Kampung Baru pula masih bergantung kepada sumber air alternatif seperti perigi atau sistem menyedut air bawah tanah dan sungai-sungai berhampiran. Kebergantungan kepada sumber air yang tidak sistematik ini tidak hanya menimbulkan ketidakselesaan kepada penduduk tetapi juga mencerminkan jurang pembangunan yang ketara di antara kawasan luar bandar dan bandar. Kualiti air yang diragui dan bekalan yang tidak menentu sering menjadi punca kekecewaan penduduk terhadap pihak kerajaan.

Bagi menangani isu ini, langkah-langkah strategik telah diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kemudahan bekalan air yang lebih sistematik dan konsisten. Usaha ini bertujuan untuk memastikan penduduk Kampung Baru mendapat akses kepada bekalan air bersih yang mencukupi, sekali gus meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan komuniti (Jabatan Perdana Menteri, 1979). Perkembangan ini turut menekankan pentingnya perancangan dan pelaksanaan infrastruktur asas yang berkesan sebagai elemen kritikal dalam menyokong pembangunan yang mampan di kawasan luar bandar.

Kedadaan Bekalan Elektrik

Bekalan elektrik merupakan salah satu kemudahan asas yang mencerminkan tahap pembangunan sesebuah kawasan. Di Kampung Baru di Selangor, seperti di Kampung Baru Sejangung, Ulu Selangor, penyediaan bekalan elektrik disediakan oleh syarikat swasta dengan kadar bayaran sekitar 30 hingga 40 sen seunit. Walaupun kadar ini tidak menimbulkan banyak rungutan, penduduk menghadapi cabaran yang lebih besar, iaitu tempoh bekalan elektrik yang terhad. Di beberapa kawasan Kampung Baru di Selangor, bekalan hanya diberikan dari pukul 6.00 petang hingga 6.00 pagi. Keadaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati kerana tenaga elektrik diperlukan bukan sahaja untuk lampu tetapi juga untuk kegunaan lain seperti televisyen, kipas angin, peti sejuk dan pelbagai keperluan lain yang mencerminkan taraf hidup lebih tinggi.

Situasi ini jelas menunjukkan ketidakseimbangan dalam penyediaan kemudahan asas di kawasan Kampung Baru. Kebergantungan penduduk terhadap bekalan elektrik untuk pelbagai keperluan harian mencerminkan perubahan gaya hidup masyarakat yang semakin moden. Tanpa bekalan elektrik yang mencukupi, aktiviti harian dan perusahaan kecil terjejas, sekali gus mengekang

pertumbuhan ekonomi setempat. Hal ini memaksa ramai penduduk menggunakan generator sendiri yang menambah beban kewangan mereka (Jabatan Perdana Menteri, 1979).

Isu bekalan elektrik yang terhad ini harus dilihat dalam konteks yang lebih luas. Ia mencerminkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar, khususnya di kawasan Kampung Baru. Jika dibandingkan dengan kawasan bandar, Kampung Baru seringkali mengalami kekurangan kemudahan asas seperti elektrik, air bersih dan sistem perhubungan. Keadaan ini menunjukkan keperluan mendesak untuk pendekatan yang lebih holistik dalam perancangan pembangunan. Sebagai tambahan, masalah ini juga berkaitan dengan dasar kerajaan dan peranan syarikat swasta dalam menyediakan perkhidmatan awam.

Keperluan Kemudahan Sukan dan Dewan

Kekurangan kemudahan sosial menjadi salah satu faktor utama yang menimbulkan kekecewaan dalam kalangan penduduk Kampung Baru di Selangor terhadap pihak kerajaan. Kemudahan ini merangkumi gelanggang sukan untuk belia, dewan orang ramai serta kemudahan kesihatan dan perubatan bagi masyarakat Kampung Baru secara keseluruhan (Jabatan Perdana Menteri, 1979). Pada awalnya, jumlah kemudahan sosial yang disediakan tidak mencukupi, terutamanya disebabkan oleh pertambahan penduduk yang pesat. Keadaan ini memberi tekanan kepada infrastruktur sedia ada, yang tidak dapat menampung keperluan komuniti dengan baik. Penduduk Kampung Baru mengharapkan agar kemudahan-kemudahan ini dapat ditambah dan dinaik taraf supaya seiring dengan pertumbuhan populasi sekali gus mencapai tahap yang setanding dengan kemajuan di kawasan bandar.

Permintaan penduduk ini mencerminkan aspirasi mereka untuk menikmati taraf hidup yang lebih baik serta hak akses kepada infrastruktur sosial yang mencukupi. Penyelesaian terhadap isu ini memerlukan perhatian serius daripada pihak kerajaan termasuk perancangan pembangunan yang lebih menyeluruh serta pelaksanaan dasar yang menitikberatkan keseimbangan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar. Kemudahan sukan dan riadah merupakan elemen penting dalam meningkatkan kualiti hidup penduduk khususnya di kawasan Kampung Baru. Di Selangor, penyediaan kemudahan ini sering kali berkait rapat dengan keperluan tanah yang menjadi isu utama bagi pembangunan infrastruktur baharu. Penduduk Kampung Baru bukan sahaja bergantung kepada bantuan kerajaan tetapi juga berusaha mencari dana sendiri untuk memenuhi keperluan komuniti mereka.

Secara umumnya, kebanyakan Kampung Baru di Selangor telah dilengkapi dengan gelanggang bola keranjang dan gelanggang badminton manakala sebilangan kecil memiliki padang. Walaupun kemudahan ini memenuhi keperluan asas aktiviti sukan dan riadah banyak kampung masih memerlukan penambahbaikan pada fasiliti yang sedia ada. Bantuan kewangan daripada kerajaan Selangor sering digunakan untuk tujuan ini, namun peruntukan yang diterima lebih tertumpu kepada projek-projek khusus. Sebagai contoh, Kampung Baru Kelumpang hanya memohon peruntukan bagi membaiki perabot dan alat-alat lain sesuatu yang boleh dilakukan dengan kos yang minima sekiranya dana kerajaan dicatur dengan lebih berkesan (Jabatan Perdana Menteri, 1979).

Namun, cabaran terbesar penduduk adalah dalam mendapatkan tanah untuk membina dewan orang ramai baharu. Dewan ini penting bagi pelbagai aktiviti sosial seperti mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKK) dan perjumpaan komuniti. Kekurangan fasiliti ini memaksa penduduk menggunakan bangunan kerajaan tempatan yang mungkin kurang sesuai dan menyukarkan perancangan jangka panjang komuniti (Jabatan Perdana Menteri, 1979). Situasi ini menimbulkan rasa kecewa dalam kalangan penduduk kerana keperluan mereka tidak dipenuhi dengan memuaskan. Selain itu, keperluan kemudahan sosioekonomi yang lain juga harus ditangani dengan lebih menyeluruh. Pendekatan terhadap pemberian bantuan perlu lebih fleksibel dan tidak hanya terhad kepada projek-projek tertentu. Sebagai contoh, dana yang diberikan boleh diagihkan untuk pelbagai kegunaan mengikut keutamaan penduduk, seperti penyelenggaraan kecil, pembelian peralatan atau pembangunan kemudahan baharu (Jabatan Perdana Menteri, 1979).

Penyediaan kemudahan sukan dan riadah di Kampung Baru Selangor memerlukan strategi yang lebih komprehensif dan inklusif. Selain bantuan kewangan, sokongan terhadap penyediaan tanah untuk infrastruktur baharu perlu diberikan perhatian yang serius. Ini bukan sahaja akan memenuhi keperluan asas penduduk tetapi juga menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi yang lebih mampan di kawasan Kampung Baru. Pendekatan yang lebih teratur dan memuaskan dalam pengagihan peruntukan

akan membantu memperbaiki taraf hidup masyarakat dan mengurangkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar.

Keadaan Kesihatan dan Kebersihan

Kampung Baru di Selangor dilengkapi oleh klinik kerajaan sejak dari awal penubuhan. Namun begitu, klinik yang berada di kawasan Kampung Baru atau kawasan berhampiran adalah didapati tidak memuaskan kerana tidak mempunyai kemudahan yang mencukupi. Oleh yang demikian, sekiranya pesakit mengalami sakit parah, mereka akan dipindahkan ke hospital yang terletak agak jauh dari Kampung Baru. Dengan peningkatan jumlah penduduk, kerajaan perlu meningkatkan perkhidmatan kesihatan di Kampung Baru. Kemudahan perubatan dan kesihatan yang baik berkait dengan keperluan mendapatkan sebuah klinik atau pusat kesihatan kecil di Kampung Baru serta keperluan supaya pegawai kesihatan melawat dengan lebih kerap. Hal ini kerana dalam hal-hal kecemasan sahaja penduduk akan pergi ke klinik atau pusat kesihatan kecil di luar Kampung Baru.

Dalam aspek kebersihan di Kampung Baru dalam keadaan menyedihkan kerana masalah pengurusan pentadbiran oleh Majlis Tempatan dan sikap penduduk yang tidak menjaga dan mempraktikkan kebersihan di sekitar Kampung Baru. Di Kampung Baru, perkhidmatan pembersihan sampah dilaksanakan pada waktu malam Kampung Baru yang tidak ditadbir oleh pihak berkuasa tempatan mempunyai masalah kekurangan dana pengurusan. Beberapa Kampung Baru juga tidak mempunyai perkhidmatan pelupusan sampah. Keadaan kebersihan ini tidak boleh dibiarkan berterusan kerana akan menjejaskan kesihatan penduduk. Namun begitu, keadaan kesihatan dan kebersihan di Kampung Baru di Selangor adalah lebih memuaskan berbanding dengan kampung tradisional.

Pada awalnya, kemudahan kesihatan di Kampung Baru adalah terabai. Kebanyakan sistem perparitan dan tandas di Kampung Baru di Selangor tidak teratur sehingga menyebabkan pelbagai jenis penyakit berjangkit tersebar di kawasan ini. Di kawasan Kampung Baru Kerling, terdapat penduduk yang terkena wabak taun disebabkan sistem pembentungan yang tidak diselaraskan dengan sistematik. Terdapat juga sumber air penduduk Kampung Baru daripada perigi yang berdekatan dengan tandas. Tandas yang dibina pula adalah tidak sistematik dengan lubang tandas yang cetek di sekitar rumah menyebabkan penyakit taun dan cirit-birit merebak di kawasan kampung baru.

Persekitaran Kampung Baru yang kurang bersih dan berhampiran dengan estet getah, hutan dan semak memburukkan lagi keadaan kesihatan penduduk. Kawasan semak ini menjadi habitat pembiakan nyamuk (nyamuk tiruk). Nyamuk tiruk merupakan vektor (penyebarkan) secara semulajadi parasit malaria. (Noraini Mohamed Hassan, 2008). Keadaan ini menyebabkan penduduk di Kampung Baru diserang demam malaria (S-E. P.K 399-50, 1950). Penduduk tidak menjalankan usaha untuk membersihkan lalang dan semak yang tumbuh di sekitar kawasan Kampung Baru. Terdapat juga penduduk yang dijangkiti demam malaria sehingga menyebabkan kematian.

Selain itu juga, penduduk juga dijangkiti penyakit kulit seperti penyakit tokak dan kudis buta. Selain itu, faktor utama penularan masalah penyakit berjangkit ini adalah disebabkan masalah bekalan air bersih di kawasan Kampung Baru. Jangkitan penyakit ini disebabkan oleh kegiatan penternakan babi yang dijalankan berhampiran dengan kawasan rumah penduduk di kampung baru (Paul Markandan, 1955). Penyakit ini berpunca daripada virus haiwan ternakan yang mengeluarkan najis berbau menyebabkan penyakit ini mudah merebak. Keadaan persekitaran kediaman yang kotor memudahkan penduduk di kawasan kampung baru ini terdedah dengan ancaman penyakit kulit. Penyakit kulit ini bukan sahaja melanda penduduk di Kampung Baru di Selangor, tetapi melanda hampir semua Kampung Baru di Malaysia.

Keadaan Sistem Perparitan dan Kualiti Jalan Raya

Dalam kawasan Kampung Baru di Selangor, antara infrastruktur yang penting ialah sistem saliran air dan perparitan. Sistem saliran air melalui penyediaan parit dan longkang yang sistematik dapat mengelakkan masalah seperti berlakunya banjir. Namun begitu, terdapat kawasan di Kampung Baru di Selangor tidak mempunyai jalan dan sistem perparitan yang baik serta tidak mendapat perhatian semenjak zaman darurat. (Penyata Rasmi Dewan Rakyat, 1973a). Keadaan ini dapat dilihat di sesetengah kawasan Kampung Baru seperti Kampung Baru Kundang, Kampung Baru Batu 9, Cheras dan Kampung Baru Kerling di mana sistem perparitan ini tidak dibina dengan sistematik menyebabkan

masalah kepada penduduk kampung. (Jabatan Perdana Menteri, 1979). Masalah ini dibangkitkan oleh Tuan Ng Hoe Hun dalam perbahasan dewan parlimen dan beliau berharap supaya kerajaan membuat satu rancangan pembangunan untuk membaiki infrastruktur di kampung baru (Penyata Rasmi Dewan Rakyat, 1974b).

Selain itu, penduduk di Kampung Baru merungut kerana parit yang dibina oleh Jabatan Parit dan Salir air tidak mempunyai saluran air yang sistemetik. Keadaan ini menyebabkan apabila hari hujan, air akan melimpah ke dalam kawasan rumah penduduk menyebabkan kematian kepada ternakan dan kerosakan tanaman mereka. Pada musim panas pula, air akan bertakung menyebabkan nyamuk membiak (Jabatan Penerangan Malaysia, 1971). Masalah mengenai parit ini dibangkitkan oleh Tuan Goh Hock Guan dalam perbahasan di Parlimen. Dalam ucapan, beliau meminta kerajaan untuk menimbangkan satu pelan bagi setiap kampung baru dan kampung lama di seluruh Malaysia. (Jabatan Perdana Menteri, 1979). Selain itu, terdapat Kampung Baru yang tidak mempunyai jalan dan parit yang sistemetik sehingga menimbulkan masalah kepada masyarakat sekitar. Masalah berkaitan dengan keadaan sistem saliran yang tidak diselenggara dengan baik menyebabkan beberapa kampung Melayu menghadapi masalah pencemaran najis babi yang berpunca dari kawasan kampung baru (Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, 1973). Masalah najis babi dibiarkan masuk melalui parit dan sungai ke kampung-kampung yang berhampiran dengan Kampung Baru. Keadaan ini adalah satu masalah sosial yang turut membawa kepada tercetusnya masalah perbalahan kaum (Kementerian Penerangan Negara, 1975).

Kemudahan jalan raya merupakan salah satu infrastruktur asas yang penting bagi pembangunan sesuatu kawasan. Di Kampung Baru di Selangor, kemudahan ini telah disediakan untuk memudahkan pergerakan penduduk. Namun, kualiti dan keadaan jalan raya di kawasan ini masih menjadi isu utama yang menimbulkan ketidakpuasan dalam kalangan Kampung Baru penduduk. Laporan (Kementerian Penerangan Negara, 1975) menyatakan bahawa di beberapa Kampung Baru, jalan raya utama bersambung dengan jalan tanah merah yang lebih sempit. Jalan tanah merah ini digunakan secara meluas oleh penduduk, tetapi keadaannya sering kali tidak memuaskan, terutamanya ketika hujan yang menyebabkan jalan menjadi berlumpur dan sukar dilalui. Keadaan ini mengakibatkan gangguan kepada aktiviti harian penduduk, termasuk perjalanan ke tempat kerja, sekolah atau pasar.

Penduduk Kampung Baru di Selangor mendesak kerajaan untuk memperbaiki dan menaik taraf jalan tanah merah ini kepada jalan berturap yang lebih tahan lama dan selamat. Desakan ini adalah wajar, memandangkan jalan raya yang berkualiti bukan sahaja meningkatkan aksesibiliti tetapi juga memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi dan sosial di kawasan tersebut. Keadaan jalan raya yang kurang memuaskan juga mencerminkan jurang pembangunan antara kawasan kampung baru dan kawasan bandar. Ini menuntut perhatian serius daripada pihak kerajaan untuk memastikan penyediaan infrastruktur yang lebih seimbang dan inklusif. Usaha ini bukan sahaja akan memenuhi keperluan asas penduduk tetapi juga meningkatkan taraf hidup serta memperkukuh integrasi kampung baru dengan kawasan bandar yang lebih maju.

Keadaan Pendidikan

Tidak dapat dinafikan, sejak dari awal penubuhan, Kampung Baru di Selangor dilengkapi dengan kemudahan pendidikan seperti sekolah (Chief Secretary 1953). Penubuhan sekolah ini amat penting bagi mengelakkan pemikiran penduduk dan tenaga-tenaga muda ini terjerumus dalam kegiatan komunis yang boleh mengancam keselamatan negara (Jabatan Perdana Menteri, 1979). Semua kampung baru mempunyai sekolah rendah yang terletak di kampung itu sendiri (DWCI NO 155, 1950). Namun begitu, perkara yang menyebabkan kekecewaan terhadap kerajaan ialah dalam mendapatkan kemudahan-kemudahan pendidikan yang cukup di kawasan Kampung Baru di Selangor. Masalah ini meliputi kemudahan pelajaran yang cukup untuk kanak-kanak yang kian bertambah ramai di kawasan Kampung Baru (Jabatan Perdana Menteri, 1979). Sebilangan besar kampung baru tidak mempunyai sekolah menengah. Sekolah menengah terletak agak jauh dari kampung dan seorang pelajar mesti mempunyai kewangan yang mencukupi untuk hadir ke sekolah. Di beberapa daerah terpencil, kerajaan menyediakan asrama untuk guru. Dalam keadaan ini para guru dapat mengambil bahagian dalam aktiviti kemasyarakatan dan memainkan peranan yang lebih besar dalam mendidik para belia.

Kemudahan pendidikan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina secara keseluruhan adalah tidak memuaskan dan berada dalam keadaan yang serba kekurangan (Kementerian Perancangan Am Dan Penyelidikan Sosioekonomi, 1973) Masyarakat di Kampung Baru melihat kemudahan pendidikan yang

serba kekurangan di kawasan mereka menyukarkan anak-anak mereka dalam memperoleh pendidikan yang sempurna. Keadaan infrastruktur Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Kampung Baru adalah kurang memuaskan menyebabkan penduduk di Kampung Baru di Selangor berharap Kementerian Pelajaran dapat memberikan keutamaan bagi membaiki infrastruktur pendidikan (Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru, 1976). Penduduk kampung juga berharap kerajaan dapat membesarkan, memperbaiki atau mendirikan bangunan sekolah baharu untuk memuatkan bilangan murid yang semakin meningkat. Permintaan untuk mendapatkan sekolah menengah biasanya berdasarkan kepada kenyataan bahawa lokasi sekolah sedia ada jauh dan tempat yang disediakan adalah tidak mencukupi. Di samping itu, masalah kekurangan alat-alat pengajaran serta kekurangan guru berkelayakan juga merupakan sebab yang memanjangkan rasa tidak puas hati mereka (Jabatan Perdana Menteri, 1979).

Secara keseluruhan, kadar literasi penduduk di Kampung Baru adalah rendah, terutama dalam kalangan wanita dan kumpulan usia yang lebih tua. Infrastruktur pendidikan di Kampung Baru adalah penting untuk memberi peluang yang lebih baik kepada penduduk. Sekiranya keadaan dibiarkan berlanjutan, maka hasrat dan usaha kerajaan untuk menyatukan penduduk kampung ke dalam proses pembangunan nasional secara keseluruhan dan menanamkan identiti nasional akan terhalang disebabkan ketidaktahuan, keterasingan dan sikap tidak peduli yang timbul dari rasa tidak puas hati. (Penyata Rasmi Dewan Rakyat, 1974b). Isu pendidikan juga memberikan kesan kepada masalah penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan penduduk. Kemahiran penguasaan bahasa Melayu menjadi masalah utama kepada masyarakat Cina di kampung baru untuk berkomunikasi (Ariffin Othman, 2017). Selain itu, di Kampung Baru, tidak semua ibu bapa menghargai keperluan mempelajari bahasa kebangsaan kerana tidak menjadi bahasa komunikasi antarabangsa untuk menguasai kekuatan ekonomi. Raja Nong Chik bin Raja Ishak menyatakan terdapat masyarakat yang tidak boleh membaca seperti mereka yang tinggal di estet, di lombong-lombong dan di sesetengah Kampung Baru seperti orang tua yang tidak tahu membaca (Penyata Rasmi Dewan Rakyat, 1974b).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa Kampung Baru di Selangor mengalami pelbagai cabaran dalam aspek pembangunan infrastruktur sosial antara tahun 1970 hingga 1990. Walaupun kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, jalan raya dan pendidikan telah disediakan, isu utama yang timbul adalah masalah penyelenggaraan dan ketidakseimbangan pembangunan antara kawasan luar bandar dan bandar. Penduduk Kampung Baru menghadapi masalah dalam mendapatkan kemudahan asas yang mencukupi, terutamanya dalam menghadapi kesulitan sosial seperti kemudahan sukan, dewan orang ramai serta perkhidmatan kesihatan yang terhad. Kualiti pendidikan juga menjadi perhatian utama, terutamanya berhubung dengan kekurangan infrastruktur dan masalah kemiskinan yang menghalang anak-anak daripada mendapat pendidikan yang sempurna. Dapatan kajian juga mendapati bahawa jurang pembangunan antara kawasan Kampung Baru dengan kawasan bandar adalah ketara, yang memperlihatkan keperluan mendalam untuk perhatian kerajaan dalam menyelesaikan masalah penyelenggaraan dan meningkatkan kemudahan infrastruktur. Oleh itu, kajian ini menekankan pentingnya penglibatan kerajaan dalam merancang dan melaksanakan pembangunan yang lebih holistik dan seimbang untuk meningkatkan taraf hidup penduduk kampung baru serta memastikan akses yang lebih baik kepada kemudahan asas seperti pendidikan, kesihatan dan kemudahan sosial.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini secara langsung mahupun tidak langsung.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Ariffin Othman (2017). 431214-10-5559. No 55 Kampung Pasir Tambahan, Ulu Yam Baru, Batang Kali Selangor. Pertanian.
- Chief Secretary 1957/0576535. (1953). Soalan daripada Mr Leung Cheng Ling tentang Pembinaan Sekolah dan Dewan Komuniti di Kampung Baru. 4531/53/10 (1). Kuala Lumpur: Malayan Government Press.
- DWCJ NO 155. (1950). Surat dari Sekretariat Persekutuan, bertarikh 26.6.1950.
- FAO/ World Bank. (1975), Rancangan Malaysia Kedua, 1971-1975, Problems Of Rural Poverty In Malaya -A report prepared by the 1971
- Francis Loh Kok Wah (1988). "Chinese New Villagers and Political Identity" dalam Jennifer W. Cushman dan Wang Gungwu (editor). *Changing identities of the Southeast Asian Chinese since World War II*. Hong Kong: Hong Kong University Press.
- Jabatan Perangkaan Malaysia 431/Jld 1. (1976 a). Kajian Ke Atas Kampung-kampung Baru. Surat kepada Setiausaha Kementerian Perancangan Am & Penyelidikan Sosio-Ekonomi dibawah fail Penyelidikan Sosioekonomi.
- Jabatan Perdana Menteri. (1979). Kertas Kerja Unit Penyelidikan Sosioekonomi dan Perancangan Am 432/ JIL. 11, Penyelidikan Kampung-Kampung Baru, Dasar Penyusunan Semula Kampung-Kampung Baru.
- Jabatan Penerangan Malaysia. (1971). Laporan Suasana Darurat. Laporan bil 3/71, Laporan Suasana, 5/87 VOL: 3. PEN. SULIT 383/PT III.
- Kementerian Perpaduan Negara, (1971). MKN (S)336/JLD.3/ (51) 12/6/72, A Study Of The Chinese In The Rural Areas In West Malaysia.
- Kementerian Perumahan Dan Kemajuan Perkampungan. (1977 b). Penyelidikan Masalah Kampung Baru. Rahsia PY 4/74//A JLD II, (78)
- Kementerian Perancangan Am Dan Penyelidikan Sosioekonomi. (1973). Kajian Ke Atas Kampung-Kampung Baru. Kuala Lumpur. 432/ Jld 2,
- Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. (1973). Masalah Najis Babi di Kampung Melayu yang Berhampiran Dengan Kampung Baru Cina. 9/790.
- Kementerian Penerangan Negara. (1975). Lawatan Ketua Polis Negara Mohd. Hanif bin Omae ke Kawasan Kampung Baru. LMF N0.1162/75 Dlm. KPN(PR)132/34/1.
- Looi Chee Kien (2012). i-Kampung Baru: Imbasan Sejarah Kampung Baru Cina Selangor, Selangor: Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru Cina Selangor Kuan Press Sdn Bhd.
- Noraini Mohamed Hassan. (2008). Penyakit Tropika di Negeri-negeri Melayu Bersukutu, 1896-1914. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Nyce, Ray. (1973). Chinese New Villages in Malaya, A Community Study, Singapura: Sociological Research Institute Ltd.
- Paul Markandan (1955). The Problem of The New Villages In Malaya, Problem of Malaya Series- no 1, Singapore: Published by Donald Moore.
- Penyata Rasmi Dewan Rakyat. (1973a). Parlimen Ketiga, Penggal Kedua. Jilid II Bil. 26, Rabu, 11 Julai 1973. Dicitak Oleh Mohd. Daud Bin Abdul Rahman. Ketua Pengarah Percetakan Malaysia Barat, Kuala Lumpur.
- Penyata Rasmi Dewan Rakyat. (1974b). Parlimen Ketiga, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 253, 16 Januari, 1974, Dicitak Oleh Mohd. Daud Bin Abdul Rahman. Ketua Pengarah Percetakan Malaysia Barat, Kuala Lumpur.
- S-E. P.K 399-50. (1950). Anti Malaria Drainage Work. S.E. NO.(1B) IN 393/50